



SIARAN MEDIA

**JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA
KELANTAN**



UNTUK SIARAN SEGERA

10 Mei 2023 (Rabu)

BILANGAN 7/2023 (KELANTAN)

MAKLUMAN BALAS: LEGASI KELUARGA PENYELUDUP DI KELANTAN KOSMO: 1 MEI 2023

1. Pada 1 Mei 2023, siaran kosmo telah melaporkan mengenai “Legasi Keluarga Penyeludup di Kelantan” terutama penduduk di sekitar Sungai Golok di daerah Rantau Panjang yang memilih untuk bekerja sebagai penyeludup secara turun termurun hingga tiga generasi dan mengambil upah sehingga RM200.00 sehari,
2. Rantau Panjang terletak di dalam Daerah Pasir Mas dan bersempadan dengan Negara Thailand serta dipisahkan oleh Sungai Golok sepanjang 103 kilometer. Terdapat tiga laluan keluar/masuk yang sah di antara kedua-dua negara iaitu, Bukit Bunga, Rantau Panjang dan Pengakalan Kubor.
3. Sepanjang Sungai Golok terdapat lebih 140 pengkalan haram yang merupakan laluan yang tidak sah bagi penduduk kedua-dua negara untuk berulang-alik. Kebanyakan penduduk di kedua-dua negara ini mempunyai pertalian kekeluargaan di antara satu sama lain.
4. Penduduk yang mendiami di sepanjang Sungai Golok, kebanyakannya merupakan pemilik asal tanah tersebut. Binaan yang dibina di dalam tanah persendirian dan berhampiran Sungai Golok, menyukarkan agensi membuat serbuan dan pemantauan.

5. Kawalan di sepanjang Sungai Golok telah dilakukan oleh beberapa agensi yang terlibat, iaitu Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Pasukan Gerakan AM (PGA) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM). Agensi lain yang terlibat dan ditempatkan di laluan keluar/masuk yang sah adalah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), MAQIS dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
6. Agensi yang ditempatkan secara tetap dan bertugas secara 24 jam adalah Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Pasukan Gerakan AM (PGA) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM). Manakala agensi lain yang ditempatkan di pintu sempadan keluar/masuk yang sah adalah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), MAQIS dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Walau bagaimanapun Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Kelantan, sentiasa melakukan rondaan dan pemantauan dari masa ke semasa secara berjadual.
7. Situasi penyeludupan di sempadan Malaysia-Thailand, teutamanya bagi negeri-negeri sempadan secara geografinya bersempadan dengan negara Thailand seperti Perlis, Kedah, Perak dan Kelantan. Walau bagaimanapun, penyeludupan di Negeri Kelantan agak berbeza dengan negeri-negeri lain disebabkan kedudukan geografi negeri Kelantan hanya dipisahkan dengan Sungai Golok yang sempit dan menjadi tempat penempatan penduduk di antara kedua-dua buah negara.
8. Tidak dapat dinafikan terdapat segelintir penduduk menjadikan aktiviti penyeludupan ini sebagai mata pencarian harian mereka, tetapi jumlahnya semakin berkurangan disebabkan oleh kekerapan pemantauan oleh agensi-agensi penguatkuasaan.
9. Hasil dari risikan dan kes-kes yang diperolehi, aktiviti penyeludupan berlaku di dalam skala yang agak kecil, tetapi terdapatnya peningkatan kekerapan aktiviti tersebut. Oleh yang demikian, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, (JKDM) Kelantan sentiasa meningkatkan kesiapsiagaan dan pemantauan di sepanjang sempadan bagi mengekang aktiviti penyeludupan.

10. Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Kelantan tidak akan berkompromi dengan aktiviti penyelupan yang berlaku dan kepada sesiapa yang telah melakukan kesalahan dan akan mengambil tindakan mengikut undang-undang yang ditadbir oleh jabatan.
11. Tindakan tegas dan pendakwaan mahkamah akan dilaksanakan bagi mereka yang didapati bersalah. Pihak jabatan juga sentiasa bekerjasama dengan semua agensi penguatkuasaan di sempadan bagi membanteras penyeludupan yang berlaku.
12. Sehubungan dengan itu, orang ramai digesa membantu pihak JKDM memerangi jenayah penyeludupan khususnya rokok, minuman keras, mercun, dadah, kenderaan dan lain-lain serta dinasihatkan tidak membabitkan diri dengan aktiviti tersebut. Penyeludupan bukan sahaja merugikan negara dari segi kehilangan hasil, malah turut mendatangkan ancaman kepada keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat.
13. JKDM juga menyeru kepada orang awam untuk memberi kerjasama dengan menyalurkan maklumat berkaitan sebarang aktiviti penyeludupan dengan menghubungi **Talian Bebas Tol Kastam 1-800-88-8855** atau Pejabat Kastam yang terdekat di semua negeri. Pihak JKDM juga memberi jaminan bahawa identiti setiap pemberi maklumat adalah dirahsiakan.

Sekian, terima kasih.

TUAN WAN JAMAL ABDUL SALAM BIN WAN LONG
PENGARAH KASTAM NEGERI
KELANTAN
10 Mei 2023

